

**Company Name : Wasco Greenery Berhad**

**Date : 03 December 2025**

**Source : Dagang News**

## **IPO Wasco Greenery terlebih langgan 12.11 kali menjelang penyenaaraian di Pasaran Utama Bursa Malaysia**



**KUALA LUMPUR 3 Dis** – Wasco Greenery Bhd mencatatkan permintaan tinggi bagi tawaran awam permulaan (IPO) apabila 10 juta saham baharu yang ditawarkan kepada orang awam Malaysia telah terlebih langgan sebanyak 12.11 kali.

Menurut notis daripada Vistra, yang sebelum ini dikenali sebagai Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd, sebanyak 5,871 permohonan diterima bagi 131.13 juta saham IPO tersebut.

Bahagian Bumiputera mencatatkan permintaan dengan kadar terlebih langgan sebanyak 8.09 kali, manakala baki saham pula terlebih langgan sebanyak 16.14 kali.

Saham baharu yang diperuntukkan kepada individu yang layak dan pemegang saham Wasco juga dilanggan sepenuhnya, manakala saham baharu untuk pelabur Bumiputera di bawah penawaran institusi juga telah diambil sepenuhnya.

Peruntukan saham sedia ada kepada pelabur terpilih dan pelabur Bumiputera juga telah dibeli sepenuhnya.

Notis peruntukan dijangka dihantar kepada semua pemohon yang berjaya pada 10 Disember ini.

Saham Wasco Greenergy dijangka disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 11 Disember.

IPO ini terdiri daripada 150 juta saham, iaitu 75 juta saham baharu melalui penawaran awam dan 75 juta saham sedia ada melalui penjualan saham, pada harga RM1 sesaham.

Keseluruhan penyenaiaan ini dijangka mengumpul RM150 juta, di mana RM75 juta akan terus menjadi milik Wasco Greenergy.

Wasco Greenergy merancang untuk menyalurkan separuh daripada hasil IPO bagi pengembangan perniagaan dan menyokong peralihan syarikat untuk memiliki dan mengendalikan loji jana kuasa stim biojisim.

Baki dana akan digunakan untuk pembelian peralatan dan mesin baharu, pengembangan operasi di Indonesia, pendigitalan sistem dan proses perniagaan, menyokong penyelidikan dan pembangunan serta menampung perbelanjaan berkaitan penyenaiaan.

RM75 juta lagi yang diperoleh daripada penyenaiaan akan diberikan kepada penjual saham, iaitu Wasco dan Tema Energy Ventures Sdn Bhd.

Selepas penyenaiaan, Wasco dijangka mengekalkan pegangan sebanyak 62.54% dalam unit itu, manakala Tema akan memiliki 7.46%.

CIMB Investment Bank berperanan sebagai penasihat utama penyenaiaan, penyelaras buku bersama, pengurus penjamin dan penjamin bersama. Penyelaras buku bersama lain termasuk CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd dan Maybank Investment Bank Bhd, yang juga berperanan sebagai penjamin bersama untuk IPO ini. - [DagangNews.com](http://DagangNews.com)